

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ANUGERAH EMAS KEDOKTORAN DAN ANUGERAH EMAS SARJANA UKM**

**1.0 PENGENALAN**

1.1 Pusat Siswazah dengan kelulusan Senat telah mewujudkan Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana. Tujuan anugerah ini diwujudkan adalah untuk menghargai dan mengiktiraf pelajar pascasiswazah yang cemerlang dan berjaya.

1.2 Pemenang akan dipilih mengikut bidang iaitu:

1.2.1 Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan

1.2.2 Sains Sosial

yang mana seorang pemenang dipilih dari kategori Kedoktoran dan seorang dari kategori Sarjana bagi setiap satunya. Jumlah pemenang ialah dua (2) orang bagi setiap kategori dan bidang bersamaan empat (4) orang pemenang.

BIL.	NAMA ANUGERAH/ KATEGORI	BIDANG
1.	Anugerah Emas Kedoktoran	Pemenang dipilih mengikut bidang iaitu: i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan ii. Sains Sosial
2.	Anugerah Emas Sarjana	Pemenang dipilih mengikut bidang iaitu: i. Sains, Teknologi dan Kesihatan; dan ii. Sains Sosial

**2.0 KRITERIA PEMENANG**

**2.1 Am**

2.1.1 Calon tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib atau mempunyai kes tatatertib yang masih tertangguh keputusannya oleh Universiti/ Jawatankuasa.

2.1.2 Tatatertib Universiti sepanjang tempoh pengajian.

2.1.3 Calon tidak mempunyai apa-apa yuran tertunggak.

2.1.4 Tempoh pengajian calon:

Calon perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh masa pengajian seperti berikut:	
<b>Doktor Falsafah</b>	8 semester bagi pelajar sepenuh masa 10 semester bagi pelajar separuh masa
<b>Sarjana (Mod Penyelidikan)</b>	6 semester bagi pelajar sepenuh masa 8 semester bagi pelajar separuh masa

## **2.2 Tesis/ Disertasi**

Calon adalah penerima Anugerah Tesis sekurang-kurangnya Baik dan hanya seorang calon bagi kategori Kedoktoran dan kategori Sarjana akan dinamakan oleh setiap fakulti/institut.

## **2.3 Penerbitan**

2.3.1 Memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan oleh program berkenaan.

2.3.2 Penerbitan tanpa nama Penyelia Utama dan/atau Penyelia tidak akan dipertimbangkan.

2.3.3 Hanya penerbitan dengan afiliasi UKM akan dipertimbangkan.

2.3.4 Penerbitan mesti berkaitan dengan disiplin pengajian pelajar.

2.3.5 Penerbitan yang diambilkira adalah penerbitan dalam tempoh pengajian dan telah didaftarkan dalam e-Rep (sama ada terindeks atau tidak).

## **2.4 Persidangan**

Calon telah mengambil bahagian sebagai pembentang dalam persidangan antarabangsa atau kebangsaan dalam tempoh pengajian.

## **2.5 Kepimpinan**

Calon pernah mengetuai atau terlibat dalam organisasi pelajar dalam universiti atau aktiviti luar/khidmat masyarakat di luar universiti.

Walau bagaimanapun, keserjanaan seseorang calon dianggap lebih utama melebihi kriteria kepimpinan seseorang calon.

## **2.6 Pengiktirafan**

Calon pernah menerima pengiktirafan/anugerah dalam pertandingan rekacipta/inovasi/pembentangan di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

## **3.0 SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN**

3.1 Permohonan terbuka kepada semua pelajar pascasiswazah Kedoktoran dan Sarjana yang akan bergraduat.

3.2 Semua maklumat permohonan hanya berdasarkan program pengajian semasa sahaja.

3.3 Permohonan akan disenarai pendek di peringkat fakulti/institut sebelum fakulti/institut memajukan hanya satu pencalonan bagi setiap kategori Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana kepada Sekretariat Anugerah Pascasiswazah untuk pertimbangan Jawatankuasa Hadiah dan Pingat UKM.

3.4 Bukti berikut perlu dilampirkan bersama borang permohonan:

- i. Bukti penerbitan – Bukti penerbitan WOS/SCOPUS/ESCI/ERA dan bukti Impact Factor (jika ada);
- ii. Sijil menghadiri persidangan antarabangsa atau kebangsaan sebagai pembentang dalam tempoh pengajian yang telah disahkan benar; dan

- iii. Sijil/surat pengiktirafan/anugerah dan aktiviti yang telah disahkan benar.
- 3.5 Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga pemilihan. Pemenang Anugerah Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih.
- 3.6 Keputusan permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

#### **4.0 PROSEDUR PELAKSANAAN**

- 4.1 Fakulti/Institut mengemukakan seorang calon pemenang kepada Urus Setia Anugerah bagi setiap kategori dan bidang berkaitan;
- 4.2 Jawatankuasa Penilai yang ditubuhkan dengan keahlian wakil Fakulti/Institut bertanggungjawab membuat penilaian;
- 4.3 Calon-calon yang disenarai pendek dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga peringkat akhir;
- 4.4 Nama-nama pemenang dimajukan ke Urus Setia Senat untuk pengesahan;
- 4.5 Pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana diwajibkan hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya terpilih;
- 4.6 Senarai pemenang Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **5.0 PROSES PEMILIHAN**

- 5.1 Proses saringan akan dilakukan oleh panel penilai yang dilantik.
- 5.2 Pemilihan penerima Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana akan dibuat oleh mesyuarat Senat yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UKM.
- 5.3 Penilaian dan keputusan dari mesyuarat Senat adalah muktamad.

#### **6.0 HADIAH**

**Hadiah yang dicadangkan untuk setiap kategori adalah:**

- 6.1 Dua (2) pemenang dari kategori Doktor Falsafah akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai sebanyak RM5,000 dan Sijil setiap seorang.
- 6.2 Dua (2) pemenang dari kategori Sarjana akan menerima Pingat Emas bernilai RM1,000, Hadiah Wang Tunai sebanyak RM2,500 dan Sijil setiap seorang.

## **7.0 URUS SETIA**

Urus setia bagi Anugerah Emas Kedoktoran dan Anugerah Emas Sarjana UKM adalah:

Unit Anugerah dan Biasiswa  
Pusat Siswazah UKM  
Blok B, Aras 3, Bangunan Tun Fatimah Hashim  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
03-8921 3100/4207  
[awardsandscholarship@ukm.edu.my](mailto:awardsandscholarship@ukm.edu.my)